

PROFILE SKLA



UTAMA

GURU BESAR



EN. ZAIDY BIN SALMAN

GPK KURIKULUM



EN. MOHAMAD ISMAIL FAHAMI BIN IDRIS

GPK HEM



MISI KPM

MELESTARIKAN SISTEM PENDIDIKAN YANG BERKUALITI UNTUK MEMBANGUNKAN POTENSI INDIVIDU BAGI MEMENUHI ASPIRASI NEGARA

VISI KPM

PENDIDIKAN BERKUALITI INSAN TERDIDIK NEGARA SEJAHTERA

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

"Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

MOTO SEKOLAH

RAJIN USAHA BERJAYA



PN. MARDIANA BINTI SARIP@MAAROF

GPK KOKURIKULUM



PN. NOR AZWANA BINTI NASARUDIN

GPK PETANG



PN ZAIDAH BINTI ARIS

LENCANA SEKOLAH

COGAN KATA

SKLA DIPERKASA, WARGA DIUTAMA, PENCAPAIAN BUKAN BIASA-BIASA

FALSAFAH SEKOLAH

Murid-murid sekolah ini adalah anak-anak yang telah dijadikan dengan sebaik-baik kejadian serta dikurniakan akal yang sempurna oleh Kholiknya. Akal yang ada padanya adalah sebagai neraca untuk membezakan yang hak dari yang batil. Oleh itu mereka perlu diberikan ilmu, didikan serta bilangan yang sempurna ke arah kecemerlangan ilmu dan akhlak agar mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Guru-guru di sekolah ini adalah sebahagian daripada Khalifah Allah yang mempunyai sifat yang jujur, cerdik, berilmu, berakhlak mulia, mengamalkan kebenaran dan menyampaikan. Dengan ini mereka dipertanggungjawab untuk mendidik anak-anak dengan penuh keikhlasan supaya anak-anak yang dididik mendapat keberkatan dan pendidik mendapat keredhaan Allah.

PIAGAM PELANGGAN

Kami warga pendidik SK Leftenan Adnan dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji akan menumpukan seluruh usaha dan tenaga kami untuk:-

Murid

1. Meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum
2. Menitik beratkan keselamatan dan kebajikan
3. Menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif
4. Merealisasikan kemenjadian murid yang cemerlang berasaskan SKPMg2

Guru dan Kakitangan

1. Menjamin keselamatan dan menguruskan kebajikan
2. Memberi peluang peningkatan kejayaan dan profesionalisme
3. Menyediakan prasarana yang mencukupi dan selesa
4. Mewujudkan komunikasi berkesan dan mesra

Waris (Ibu Bapa / Penjaga)

1. Menyampaikan maklumat dan perkembangan semasa sekolah
2. Memberi perhatian terhadap aduan dan membuat tindakan dalam tempoh 1/3/7 hari
3. Berempati terhadap masalah dan kemusykilan yang dikemukakan
4. Berurusan secara mesra dan berbudi bahasa
5. Memohon sumbangan dan sokongan dari segi moral dan material untuk kemajuan sekolah

KPM

1. Mematuhi dan bertindak mengikut pekeliling
2. Melaporkan kejadian kepada pihak atasan
3. Menjawab surat dan permohonan dengan segera
4. Memberi kerjasama terhadap aktiviti/ program yang dianjurkan oleh PPD/ JPN/ KPM

1. LENCANA



2. BENTUK : Bentuk bulat

3. COGAN KATA : Maju Jaya

4. LAMBANG : GUMPALAN API OBOR
- Merupakan obor yang bertindak sebagai penerang kegelapan

5. HURUF JAWI "SIN KAF LAM HAMZAH"
- Akronim huruf jawi nama sekolah.

1915

- Melambangkan tahun SK Leftenan Adnan diasaskan yang sebelumnya dikenali dengan nama Sekolah Melayu Sungai Ramal.

MOTTO "RAJIN USAHA BERJAYA"

- Bermaksud segala usaha dan berkat kerajinan akan membuahkan kejayaan

6. WARNA DAN PENGERTIAN

MERAH - Keberanian dan keperwiraan Leftenan Adnan Saidi.

KUNING - Warna Diraja. Sekolah mendukung Sistem Raja Berpelembagaan

PUTIH - Kebersihan dan kemurnian jiwa anak-anak sekolah



Lagu Sekolah SK Leftenan Adnan

skla kajang

BENDERA SEKOLAH

1. BENDERA :



2. COGAN KATA : MAJU JAYA

3. LAMBANG : GUMPALAN API OBOR
- Merupakan obor yang bertindak sebagai penerang kegelapan

HURUF JAWI "SIN KAF LAM HAMZAH"

- Akronim huruf jawi nama sekolah.

1915

- Melambangkan tahun SK Leftenan Adnan diasaskan yang sebelumnya dikenali dengan nama Sekolah Melayu Sungai Ramal.

MOTTO "RAJIN USAHA BERJAYA"

Bermaksud segala usaha dan berkat kerajinan akan membuahkan kejayaan

4. WARNA DAN PENGERTIAN

MERAH – Keberanian dan keperwiraan Leftenan Adnan Saidi

KUNING – Warna Diraja. Sekolah mendukung Sistem Raja Berpelembagaan.

PUTIH – Kebersihan dan kemurnian jiwa anak-anak sekolah.


GABUNGAN MERAH DAN KUNING – Warna bendera Selangor.

SKLA DARI SATELIT




CARTA ORGANISASI JK PENGURUSAN SEKOLAH

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENGURUSAN SEKOLAH



No posts.

CARTA ORGANISASI SK LEFTENAN ADNAN




SESI 2022

PELAN SK LEFTENAN ADNAN



PELAN SEKOLAH KEBANGSAAN LEFTENAN ADNAN



SEJARAH SKLA

Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan, Sungai Ramal Luar merupakan satu-satunya sekolah rendah luar bandar di DUN Bangi yang menerima murid-murid sekitar Sungai Ramal Luar.

Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah tertua di Daerah Hulu Langat dan telah menjangkau usia 105 tahun.

Sekolah ini dibuka pada 1 Disember 1915 dengan nama Sekolah Melayu Sungai Ramal. Pengasas sekolah ini ialah Encik Arshad Bin Talib, PJK selaku Pengerusi Persatuan Ibu Bapa (PIBG) pada masa itu. Guru Besar yang pertama ialah Encik Dacap Bin Zainal. Jumlah murid ketika itu ialah seramai 26 orang sahaja.

Pada tahun 1982 Sekolah Melayu Sungai Ramal telah ditukar kepada nama Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan, sempena nama seorang murid sekolah ini yang gugur sebagai seorang Perwira Askar Melayu Diraja. Beliau ialah ADNAN BIN SAIDI atau lebih dikenali sebagai Leftenan Adnan yang merupakan anak jati Kajang.

Pada penghujung tahun 1982 bilangan murid sekolah ini telah meningkat kepada 300 orang. Pada tahun 1994 bangunan baru yang meliputi 8 buah bilik telah dibina untuk menampung pertambahan bilangan murid. Dalam tahun 1995 sekolah ini telah dinaik taraf sebagai sekolah Gred A dengan bilangan murid melebihi 700 orang.

Sekitar tahun 1999, bangunan blok C didirikan. Bangunan ini mempunyai 10 buah bilik darjah, sebuah bilik sains dan sebuah pusat sumber.

Bertitik tolak jasa seorang murid sekolah ini yang berjiwa keperwiraan, Sekolah Melayu Sengai Ramal telah ditukar nama kepada Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan (SKLA) pada tahun 1982 sehingga kini.

INFO BANGUNAN LAMA SK LEFTENAN ADNAN

STRUKTUR BINAAN BANGUNAN :

TAHUN 1927 : DIPERBUAT DARIPADA PAPAN

TAHUN 1964 : DIPERBUAT DARIPADA KAYU MASAK

KELUASAN :

10 EKAR @ 4.38 HEKTAR

TAHUN BINAAN BANGUNAN :

BLOK A : 1981 (RM125,000.00)

BLOK B : 1993

BLOK C : 1999

FASILITI

1. PUSAT SUMBER
2. BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP
3. KANTIN
4. PONDOK PENGAWAL
5. PONDOK MENUNGGU
6. DEWAN INTISAR
7. DATARAN ILTIZAM
8. PADANG IJTIHAD
9. KELAS
10. SURAU
11. BILIK SIBER
12. PUSAT AKSES
13. KEDAI BUKU
14. PRA SEKOLAH
15. BILIK KAUNSELING
16. BILIK RAWATAN
17. BILIK MUZIK
18. TANDAS
19. BILIK MESYUARAT
11. BILIK PEMULIHAN
12. KELAS LINUS
13. BILIK J-QAF
14. PRA SEKOLAH
15. BILIK GURU
16. KUARTERS GURU
17. KIOSK FROG VLE
18. SERAMBI PIBG
19. PEJABAT
20. SUDUT PPDA

Sejak dibuka, jumlah murid yang mendaftar masuk sentiasa bertambah dari setahun ke setahun dengan enrolmen murid 2019 melebihi 1300 orang.

Pembangunan dan kemajuan pesat disekitar Sungai Ramal menyaksikan pertambahan bilangan murid. Sebagai sebuah organisasi masyarakat, sekolah ini tidak ketinggalan dijadikan sebagai pusat mengundi setiap kali pilihan raya diadakan.

Memandangkan sekolah ini telah lama dibina dan agak jauh ketinggalan dari segi prasarana, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh pihak sekolah agar setanding dengan sekolah lain di seluruh negara bagi murid menjalani proses pendidikan yang lebih sempurna, maka pihak sekolah dengan kerjasama PIBG mencadangkan membina sebuah Dataran Berbumbung di Dataran Iltizam.